

BAB 3

WAKAF BERTEMPOH MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

3.1 Pendahuluan

Pembahagian wakaf menurut jangka masa perlaksanaannya terbahagi kepada dua; iaitu wakaf kekal (*al-waqf al-mu'abbad*) dan wakaf bertempoh (*al-waqf al-mu'aqqat*) (Ab Rahman, 2018). Meskipun banyak dihuraikan dalam kitab-kitab fiqh, perbincangan serta pelaksanaan wakaf bertempoh jarang diberikan perhatian, khususnya di Malaysia yang cenderung kepada pegangan terhadap pandangan muktamad mazhab Syāfi'īy dalam amalan keagamaan, sukatan pelajaran serta peruntukan undang-undang Islam (N. N. Abd. Rahman et al., 2018; Azahari, 2007; Ghazali, 2016)¹⁷.

Penulisan bab ini merupakan prasyarat bagi memahami inti pati kajian melalui penerangan konsep wakaf bertempoh menurut perbincangan fiqh secara terperinci. Ia amat penting bagi menyediakan asas kefahaman yang kukuh dan menyeluruh terhadap hukum-hukum wakaf bertempoh. Hasil kajian bab ini cuba untuk merungkai perdebatan dalam kalangan fuqaha berkenaan keharusan wakaf bertempoh serta mencadangkan garis panduan hukum yang sesuai bagi perlaksanaannya.

3.2 Definisi Wakaf

Wakaf berasal daripada kata kerja "*waqafa*" dalam Bahasa Arab yang memberi maksud berkedudukan tetap dalam suatu keadaan (Ibn Fāris, 1979). Kebanyakan kamus

¹⁷ Pandangan utama mazhab Syāfi'īy dan jumhur fuqaha tidak mengesahkan pelaksanaan wakaf bertempoh. Perbincangan lebih lanjut akan dihuraikan dalam subtopik 3.6.

Bahasa Arab turut mendatangkan kata terbitan “*wuqūf*” bagi entri “*waqafa*” yang bermaksud “berdiri” sebagai asas makna perkataan tersebut. Majma‘ al-Lughat al-‘Arabiyyat bi al-Qāhirat (t.th.) pula memperincikan gambaran makna “*wuqūf*” sebagai; keadaan seseorang itu bangun daripada duduk atau keadaannya berhenti daripada berjalan. Pentakrifan tersebut jelas menunjukkan bahawa wakaf dari sudut bahasa menerangkan perihal manusia atau barangan yang berkeadaan pegun dan kaku.

Walaupun begitu, penggunaan kalimah “*waqafa*” dalam Bahasa Arab mempunyai maksud yang pelbagai dan berbeza menurut konteks sesebuah ayat. Kajian ini hanya memfokuskan penggunaan “*waqafa*” terhadap hartanah seperti ayat “*waqafa al-dār*” (dia telah mewakafkan hartanah/kawasan itu) yang memberi maksud bahawa subjek menahan pemilikan hartanah tersebut daripada dimiliki oleh sesiapa jua (Al-Fairūzabadīy, 2005; Ibn Manzūr, 1993).

Sebahagian ilmuwan turut memasukkan elemen syariah dalam pentakrifan wakaf menurut bahasa iaitu; menahan pemilikan sesebuah harta dengan menyerahkannya kepada jalan Allah SWT (*fi sabīlilLāh*) dan menyedekahkan manfaatnya (Al-Jurjānīy, 1983; Majma‘ al-Lughat al-‘Arabiyyat bi al-Qāhirat, t.th.). Ini kerana penggunaan kalimah wakaf yang berkait rapat dengan amalan berwakaf menurut syariah serta pengaruhnya dalam dunia keilmuan Islam. Oleh itu, pentakrifan wakaf menurut bahasa juga meliputi pemahaman wakaf menurut syariah secara umum.

Istilah wakaf dalam ilmu fiqh turut mempunyai pelbagai definisi disebabkan perbezaan ijihad para ulama. Hal ini berlaku disebabkan penentuan hukum-hakam wakaf yang hampir keseluruhannya disandarkan kepada ijihad, kecuali pada tujuan wakaf yang mestilah dilakukan kepada jalan kebajikan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT (M. A. Al-Zarqā, 1997; Kahf, 1999; Laldin et al., 2006). Kajian ini akan

membawakan takrif wakaf menurut pandangan empat mazhab ahli sunah yang muktabar bagi menghuraikan perinciannya dengan lebih sistematik.

3.2.1 Definisi Wakaf Menurut Mazhab Ḥanafīy

Istilah wakaf menurut mazhab Ḥanafīy mempunyai dua pentakrifan. Pertama, wakaf merupakan penahanan harta yang dihukumkan sebagai milik Allah SWT serta pemberian manfaatnya kepada penama yang dinyatakan oleh pewakaf (Al-Ḥaṣkafīy, 2002; Al-Sarakhsīy, t.th.; Al-Syaybānīy, 2012). Definisi ini dikemukakan oleh Abū Yūsuf dan Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Syaybānīy. Kedua, Abū Ḥanīfat dan Zufar mendefinisikan wakaf sebagai penahanan harta yang tetap dimiliki oleh pewakaf serta disedekahkan manfaatnya (Al-Qādūrīy, 2006; Al-Sarakhsīy, t.th.). Perbezaan kedua-dua takrif di atas dapat dilihat pada isu pemilikan harta wakaf sama ada ia telah digugurkan daripada hak milik pewakaf ataupun ia masih dimiliki oleh pewakaf.

Perbezaan tersebut tercetus berikutan pandangan Abū Ḥanīfat yang menyatakan bahawa wakaf merupakan akad *ghayr lāzim* sedangkan Abū Yūsuf dan Muḥammad berpandangan bahawa ia adalah sebuah akad *lāzim* (Al-Ḥaṣkafīy, 2002; Al-Maydānīy, t.th.; Al-Qādūrīy, 2006; Al-Sarakhsīy, t.th.). Akad *ghayr lāzim* menjadikan harta wakaf boleh dibatalkan (*ruju' al-waqf*) atau dijual beli (Al-Maydānīy, t.th.). Pihak-pihak yang berakad juga boleh membubarkan akad secara sebelah pihak sahaja (Sarkawi, 1998). Menurut Abū Ḥanīfat, pelaksanaan wakaf yang berkisar pada pemberian manfaat daripada harta yang dimiliki oleh pewakaf menjadikan ia sama seperti pinjaman (*al-‘ariyat*) yang juga merupakan sebuah akad *ghayr lāzim* (Al-Sarakhsīy, t.th.)¹⁸.

¹⁸ Akad pinjaman termasuk dalam kategori akad *ghayr lāzim* (tidak mengikat) atau *jā'iz* (harus) yang bermaksud bahawa peminjam dan pemberi pinjaman mempunyai pilihan (*khiyār*) sama ada ingin meneruskan kontrak atau membatalkannya pada bila-bila masa (Al-Maktabat al-Syāmilat, t.th.). Ia boleh dibatalkan dengan hanya sebelah pihak sahaja yang memutuskan untuk membatalkannya. Akad *lāzim* (mengikat) atau akad wajib pula merupakan akad yang tidak boleh dibatalkan menerusi kemahuan

3.2.2 Definisi Wakaf Menurut Mazhab Mālikīy

Ibn ‘Arafat (2014) telah mentakrifkan wakaf sebagai pemberian manfaat yang diperolehi daripada sesuatu perkara (harta) untuk sepanjang tempoh kewujudannya (secara kekal). Kontrak wakaf merupakan sebuah akad lazim dan pemilikannya dikekalkan sebagai hak milik pewakaf. Sesebuah wakaf juga sah jika pewakaf hanya menyatakan hasrat untuk mewakafkan harta yang mungkin akan menjadi miliknya pada masa akan datang (Ibn ‘Arafat, 2014). Definisi ini menjelaskan bahawa mazhab Mālikīy menumpukan implementasi wakaf terhadap pemberian manfaat yang mampu diperolehi daripada sesuatu harta sama ada pewakaf memiliki harta tersebut secara penuh (*milk al-tām*) ataupun secara tidak penuh dengan memiliki manfaatnya sahaja melalui kaedah sewaan (W. M. Al-Zuhaylīy, t.th.).

Al-Dardīr (2000) pula mentakrifkan wakaf sebagai pemberian manfaat daripada harta yang dimiliki oleh pewakaf kepada pihak penerima melalui sighth wakaf untuk tempoh tertentu. Pewakaf juga boleh mewakafkan harta sewaannya dan hasil daripada sesuatu harta yang dimilikinya (Al-Dardīr, 2000). Menerusi definisi ini, terdapat tiga bentuk aset yang sah diwakafkan menurut mazhab Mālikīy iaitu (Ab Rahman, 2018; Al-Rifā‘īy, t.th.; Al-Sāwīy, t.th.; W. M. Al-Zuhaylīy, t.th.):

- 1) Manfaat harta yang dimiliki pewakaf.
- 2) Manfaat harta yang disewa oleh pewakaf.
- 3) Hasil daripada sesuatu harta yang dimiliki pewakaf.

Definisi ini juga menunjukkan bahawa mazhab Mālikīy membenarkan wakaf dilakukan untuk tempoh tertentu (*ta’qīt*) berdasarkan ketetapan pewakaf (Al-Dardīr, 2000; Al-Sāwīy, t.th.; W. M. Al-Zuhaylīy, t.th.).

sebelah/sebahagian pihak yang berakad sahaja. Secara asasnya, *khiyār* dalam akad *lāzim* hanya dibenarkan jika sesebuah kontrak masih belum dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat atau berdasarkan sebab-sebab yang diharuskan oleh syarak (JAKIM, 2009).

3.2.3 Definisi Wakaf Menurut Mazhab Syāfi'īy

Wakaf dalam mazhab Syāfi'īy ditakrifkan sebagai sekatan sesuatu harta yang boleh dimanfaatkan dengan mengekalkan 'ayn (bentuk fizikal) harta tersebut. Ia dapat dilakukan dengan menggugurkan hak pemilikan harta wakaf daripada pewakaf serta menyerahkan manfaatnya kepada penerima yang wujud dan diharuskan (*mubāh*) (Al-Khaṭīb, 1994; Al-Ramlīy, 1984). Kesahan wakaf dalam mazhab Syāfi'īy ditentukan pada pemberian jenis harta yang boleh dimanfaatkan untuk masa yang panjang (*'alā al-dawām*) serta diserahkan bagi tujuan-tujuan yang makruf (Al-Syīrāzīy, t.th.). Selain itu, wakaf yang dilakukan dengan tempoh tertentu adalah terbatal di sisi mazhab Syāfi'īy kerana sighthak wakaf tersebut telah rosak (*fasad*) (Al-Khaṭīb, 1994; Al-Nawawīy, 2005).

3.2.4 Definisi Wakaf Menurut Mazhab Hanbalīy

Al-Mardāwīy (1995) dan Ibn Najjār (1999) mentakrifkan wakaf sebagai penahanan harta yang boleh dimanfaatkan dengan pengekalan bentuk fizikal harta tersebut. Pewakaf mestilah memutuskan pemilikannya terhadap harta wakaf dan menyalurkan manfaatnya untuk kebajikan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pemahaman wakaf bagi mazhab Hanbalīy dilihat mempunyai persamaan daripada takrif yang diberikan oleh Abū Yūsuf, Muḥammad ibn al-Ḥasan serta para ulama mazhab Syāfi'īy (Ab Rahman, 2018; W. M. Al-Zuhaylīy, t.th.).

Keseluruhan definisi wakaf daripada keempat-empat mazhab di atas dilihat mempunyai persamaan dari sudut kaedah pelaksanaannya pada dua perkara iaitu (Ab Rahman, 2018; Fayyād, 2006; Majma' al-Fiqh al-Islāmīy (Al-Hind), 2007):

- 1) **Penahanan Harta:** Pewakaf bertindak untuk menahan hartanya daripada sebarang urusan yang berkaitan dengan kontrak muamalat seperti jual beli, hibah dan perwarisan.

- 2) **Tujuan Wakaf:** Tujuan penahanan harta tersebut adalah supaya hasil/manfaat harta tersebut diberikan kepada pihak-pihak tertentu yang dinyatakan sendiri oleh pewakaf.

Perbezaan pula dapat dilihat dari segi syarat-syarat yang ditetapkan bagi mengesahkan pelaksanaan wakaf menurut ijihad fiqh setiap mazhab seperti syarat kekal dalam pewujudan wakaf (*al-ta'bid*) dan syarat pengguguran hak milik harta wakaf daripada pewakaf (*isqāt al-milk*).

3.2.5 Definisi Wakaf Menurut Ulama Kontemporari

Kebanyakan kajian kontemporari mengguna pakai pendekatan *tarjih* terhadap definisi yang diutarakan oleh tokoh-tokoh mazhab. Sebagai contoh, Al-Ghuṣn (2001) dan Al-Khathlān (t.th.) *mentarjihkan* pandangan muktamad dalam mazhab Syāfi'īy dan Ḥanbalīy setelah membincangkan pelbagai definisi wakaf menurut empat mazhab yang disebutkan kerana ia lebih menepati ciri-ciri sekatan harta yang ditekankan dalam wakaf. Kajian-kajian seperti Al-Khamīy (2006), Al-Khathlān (t.th.), Al-Syu'ayb (2006) dan Amnūh (t.th.) pula memilih definisi ringkas bagi wakaf yang diberikan oleh Ibn Qudāmat daripada mazhab Ḥanbalīy iaitu:

تَحْيِيسُ الْأَصْلِ، وَتَسْبِيلُ الثَّمَرَةِ

“Penahanan asal harta dan pemberian hasilnya.” (Ibn Qudāmat, 1968)

Mereka cenderung untuk memilih ungkapan Ibn Qudāmat di atas sebagai definisi wakaf yang tepat atas beberapa sebab, antaranya:

- 1) Keumuman definisi tersebut yang jelas menunjukkan identiti wakaf tanpa huraian panjang yang menyebut tentang syarat-syaratnya.

- 2) Definisi tersebut menerangkan pemahaman wakaf yang dipersetujui oleh kesemua mazhab serta terhindar daripada percanggahan para fuqaha terhadap syarat-syarat wakaf.
- 3) Ungkapan tersebut lebih mirip kepada sabda Rasulullah SAW dalam hadis wakaf ‘Umar al-Khaṭṭāb RA (Lihat: Hadis. Al-Bukhārīy no. 2772).

Terdapat juga pendekatan sarjana yang mendatangkan definisi tersendiri bagi wakaf setelah menilai perbincangan fuqaha daripada pelbagai mazhab. Melalui kaedah tersebut, Qaḥf (2000) menyatakan bahawa:

“wakaf adalah sekatan harta secara kekal atau bertempoh, yang boleh dimanfaatkan secara berulang kali sama ada daripadanya atau daripada hasilnya bagi sebarang tujuan kebajikan umum ataupun khusus.”

Definisi ini adalah bertepatan dengan pendirian kesemua mazhab ahli sunah yang membenarkan wakaf terhadap harta kekal seperti tanah dan harta alih yang mempunyai jangka hayat tertentu. Kajian ini melihat bahawa Qaḥf (2000) cuba untuk menyesuaikan serta memurnikan kesemua pandangan mazhab fiqh terhadap maksud dan syarat-syarat wakaf, melihatkan kepada keluasan ruang ijihad yang ada padanya. Walau bagaimanapun, definisi wakaf yang diutarakan oleh Qaḥf (2000) mengandungi kebenaran wakaf bertempoh yang diperselisihkan oleh para fuqaha. Ini menjadikan penggunaannya terhad kepada pandangan yang membenarkan wakaf bertempoh sahaja.

Kajian ini memilih definisi wakaf menerusi ungkapan Ibn Qudāmaṭ berdasarkan justifikasi daripada kajian Al-Khāmīy (2006), Al-Khatlān (t.th.), Al-Syu‘ayb (2006) dan Amnūḥ (t.th.) seperti yang telah dihuraikan. Ungkapan ringkas tersebut mampu menjelaskan identiti wakaf yang merangkumi dua mekanisme pelaksanaannya iaitu sekatan hak pengurusan (*taṣarruf*) pewakaf terhadap harta wakaf serta agihan manfaat daripada aset yang diwakafkan.

3.3 Istilah-Istilah Fiqh yang Mempunyai Perkaitan Dengan Wakaf

Penerangan istilah-istilah fiqh berkaitan dengan wakaf mampu meningkatkan lagi pemahaman terhadap konsep wakaf yang menjadi subjek utama kajian ini. Ia dapat dihuraikan secara ringkas melalui jadual di bawah:

Jadual 3.1: Istilah-Istilah Fiqh yang Mempunyai Perkaitan dengan Wakaf


No.	Istilah	Definisi dan Perbandingan Istilah-Istilah dengan Wakaf
1.	<i>Tabarru'</i>	<i>Tabarru'</i> meliputi segala pemberian yang dilakukan secara sukarela tanpa mengharapkan sebarang balasan. Wakaf termasuk dalam kategori <i>tabarru'</i> kerana ia merupakan satu pemberian. Namun, makna <i>tabarru'</i> lebih umum kerana ia tidak terikat dengan sebarang syarat khusus.
2.	Sedekah	Sedekah ialah pemberian harta dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Istilah sedekah dinyatakan dalam hadis untuk merujuk kepada wakaf dan juga pemberian selain daripada wakaf. Ini menandakan bahawa penggunaan sedekah lebih umum daripada wakaf.
3.	Pinjaman	Pinjaman atau <i>'ariyat</i> adalah apabila seorang pemilik harta fizikal (<i>'ayn</i>) membenarkan individu lain menikmati manfaat <i>'ayn</i> tersebut tanpa sebarang bayaran, dengan syarat <i>'ayn</i> harta itu dipulangkan semula kepada pemiliknya pada bila-bila masa yang dia mahukan. Wakaf juga merupakan pemberian manfaat sesebuah <i>'ayn</i> , namun ia berbeza dengan pinjaman dari aspek kelaziman akad (<i>luzum al-'aqd</i>). Justeru, wakaf tidak boleh dibatalkan, manakala pemberi pinjam boleh menarik semula harta pinjamannya.
4.	Hibah	Hibah atau hadiah merujuk kepada pemberian <i>'ayn</i> tanpa sebarang bayaran atau syarat pemulangan. Pemberian hibah akan memindahkan hak milik harta daripada pemberi kepada penerima. Wakaf berbeza daripada hibah kerana hak milik harta wakaf tidak boleh dipindah milik kepada individu lain.
5.	Zakat	Zakat merupakan pemberian sebahagian harta yang telah ditentukan kadarnya kepada golongan penerima yang khusus. Hukum zakat yang telah memperincikan nisab, haul dan asnaf (golongan penerimanya) menjadikan ia lebih khusus daripada wakaf.
6.	Wasiat	Wasiat ialah kehendak seseorang untuk menyerahkan hartanya secara sukarela kepada individu lain setelah dia meninggal dunia. Wasiat dan wakaf termasuk dalam kategori <i>tabarru'</i> . Namun, wasiat hanya berkuat kuasa setelah kematian pewasiat, sementara wakaf terlaksana secara serta merta.
7.	<i>'Umrā</i>	<i>'Umrā</i> termasuk dalam kategori hibah yang disertakan syarat. Ia merupakan hibah yang mempunyai tempoh masa; iaitu ia dihibahkan selama mana pihak penerima masih hidup. Jika pihak penerima meninggal dunia, harta yang dihibahkan akan dikembalikan kepada pemberi hibah atau warisnya. <i>'Umrā</i>

		mempunyai persamaan dengan wakaf bertempoh yang mempunyai penetapan had masa, namun tempoh <i>'umrā</i> ditetapkan berdasarkan jangka hayat penerima hibah.
8.	<i>Ruqbā</i>	<i>Ruqbā</i> juga merupakan salah satu instrumen hibah bersyarat. Pemberi hibah memberikan hartanya kepada penerima dengan meletakkan ketetapan bahawa; jika salah seorang daripada mereka meninggal dunia, maka harta tersebut akan dimiliki oleh pihak yang masih hidup. <i>Ruqbā</i> adalah berbeza daripada wakaf melalui dua aspek iaitu tempoh pemberian yang tidak tetap (mengikut kematian salah satu pihak) dan hak pemilikan yang boleh diserahkan kepada pihak lain.

Sumber: (Al-Maktabat al-Syāmilat, t.th.; Al-Qarahdāghīy, 2012; Al-Saqqāf, 2012; Misy'āl, 2018; Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyat – Al-Kuwayt, 2006)

3.4 Posisi Wakaf Bertempoh dalam Perbincangan Hukum Wakaf

Ab Rahman (2018) menjelaskan bahawa perbincangan wakaf bertempoh dapat dilihat melalui pelaksanaan wakaf menurut tempoh masa yang terbahagi kepada dua iaitu kekal (*mu'abbad*) dan bertempoh (*mu'aqqat*). Pembahagian tersebut jarang dikemukakan dalam penulisan hukum wakaf sebagai satu bab yang khusus. Ini kerana kebanyakan ulama membincangkan konteks *mu'abbad* dan *mu'aqqat* dalam perbincangan sughah wakaf.



Sumber: (Ab Rahman, 2018)

Rajah 3.1: Pembahagian Jenis-Jenis Wakaf

Wakaf bertempoh boleh ditakrifkan sebagai penetapan suatu tempoh masa oleh pewakaf dalam sighth pewujudan wakaf. Hasilnya, harta wakaf tersebut akan dipulangkan semula kepada pewakaf atau warisnya setelah tempoh pewakafan tamat (Ab Rahman, 2018; Ab Rahman & Amanullah, 2017b; Hazzā', 2006; 'Atā, 2020). Hal ini juga menandakan bahawa status wakaf akan terhenti dengan berakhirnya tempoh yang ditetapkan oleh pewakaf dalam sighth wakaf, di samping pengembalian semula hak *taṣarruf* harta tersebut kepada pemilik asalnya ('Atā, 2020).


Melalui pentakrifan di atas, kajian ini melihat bahawa wakaf bertempoh adalah berbeza daripada wakaf kekal dalam dua aspek iaitu:

- 1) **Had tempoh wakaf:** Penetapan had tempoh masa pewakafan melalui kehendak pewakaf yang dinyatakan dalam sighth wakaf.
- 2) **Pemulangan aset:** Pemulangan semula aset wakaf kepada pewakaf atau warisnya setelah tempoh pewakafan tamat.

Selain daripada pentakrifan wakaf bertempoh di atas, istilah wakaf bertempoh juga seringkali disandarkan kepada wakaf harta alih, wakaf *zurriy* dan wakaf khas kepada penerima yang khusus (Al-Kubaysiy, 1977; Zahrat, 1971). Ia berlaku disebabkan gambaran pelaksanaan wakaf harta alih dan wakaf khas yang turut mempunyai batasan waktu. Wakaf harta alih menjadikan tempoh wakaf hanya terbatas pada jangka hayat harta alih yang diwakafkan. Tempoh wakaf *zurriy* pula akan tamat setelah penerima manfaatnya dalam kalangan ahli waris meninggal dunia.

Bertitik tolak daripada itu, had tempoh yang terkait dengan jangka hayat harta wakaf mahupun penerima manfaat wakaf yang khusus merupakan wakaf bertempoh pada sebahagiannya sahaja. Kedua-duanya masih berada dalam ruang lingkup wakaf kekal kerana pewakaf berniat untuk mewakafkannya secara kekal dan tidak wujud elemen pemulangan harta wakaf. Ia dapat disimpulkan dalam rajah 3.2.

Sehubungan itu, kajian ini hanya berfokus kepada perbincangan terhadap konsep wakaf bertempoh seperti yang diketengahkan oleh Ab Rahman (2018), Hazzā' (2006) dan 'Atā (2020) yang menekankan aspek penetapan had tempoh tertentu dalam sighth wakaf, serta terdapat proses pemulangan harta wakaf tersebut setelah tempoh pewakafan tamat. Namun begitu, gambaran wakaf bertempoh yang lain (pada aspek *mawqūf* dan *mawqūf 'alayh*) turut dikemukakan atas keperluan perbahasan yang khusus mengikut setiap subtopik yang dibincangkan.



Sumber: Huraian pengkaji berdasarkan M. F. A. Rahman (2018)

Rajah 3.2: Penetapan Had Tempoh dalam Tiga Elemen Wakaf

3.5 Pandangan Fiqh yang Membenarkan Pelaksanaan Wakaf Bertempoh

Keharusan wakaf bertempoh diketengahkan oleh mazhab Ḥanafiy melalui pandangan Abū Yūsuf. Al-Sarakhsīy (t.th.) menyatakan bahawa Abū Yūsuf membenarkan wakaf diberikan kepada pihak yang terbatas (*munqati'*); iaitu yang berkemungkinan memutuskan rantaian penerima manfaat harta wakaf atas sebab kematiannya. Contohnya, pewakaf mewakafkan hartanya kepada seorang penama yang khusus. Jika penerima manfaat meninggal dunia, maka harta wakaf secara automatik akan dipulangkan semula kepada pewakaf atau warisnya meskipun ia tidak disyaratkan oleh pewakaf (Ibn Al-Humām, 1970).

Abū Yūsuf juga membenarkan seseorang itu berwakaf dengan meletakkan tempoh tertentu dan mengambilnya semula setelah tempoh tersebut tamat kerana gambaran tersebut tidak mempunyai perbezaan jika penerima manfaat wakaf meninggal dunia (Ibn Al-Humām, 1970; Zahrat, 1971). Tegasnya, wakaf merupakan sebuah cara mendekati diri kepada Allah SWT dan ia boleh dilakukan dengan pemberian kepada penerima yang terbatas, begitu juga kepada penerima yang tidak terbatas (Al-Qaraḍāwīy, 2010; Al-Sarakhsīy, t.th.)¹⁹.

Pandangan muktamad bagi mazhab Mālikīy sememangnya menerima perlaksanaan wakaf bertempoh sehingga ia menjadi satu-satunya mazhab yang terkecuali dalam meletakkan syarat kekal bagi pewujudan wakaf (Kahf, 1999). Al-Dusūqīy (t.th.) telah menyatakan hal ini seperti berikut:

وَلَا يُشْتَرَطُ التَّأْيِيدُ فَيَصِحُّ مُدَّةً ثُمَّ يَرْجِعُ مِلْكًا

¹⁹ Penerima manfaat wakaf (*mawqūf 'alayh*) mempunyai dua kategori dalam isu ini. Pihak yang terbatas (*جِهَةٌ يَتَوَهَّمُ انْقِطَاعُهَا*) merupakan individu/golongan khusus yang disebutkan oleh pewakaf ketika mewakafkan hartanya. Individu khusus dikategorikan sebagai pihak yang terbatas kerana pemberian manfaat wakaf dibatasi dengan jangka hayat kehidupan mereka sahaja. Pihak yang tidak terbatas (*جِهَةٌ لَا يَتَوَهَّمُ انْقِطَاعُهَا*) pula merupakan golongan penerima yang umum dan wujud pada setiap zaman seperti golongan fakir dan miskin. Wakaf terhadap golongan fakir dan miskin menjadikan manfaat wakaf sentiasa bersambung serta tidak terbatas dengan peredaran zaman (Al-Sarakhsīy, t.th.).

“Wakaf tidak disyaratkan untuk diwujudkan secara kekal. Maka, wakaf secara bertempoh adalah sah dengan cara harta wakaf dikembalikan semula kepada pemiliknya setelah tempoh pewakafan tamat.”

Mazhab Syāfi‘īy turut mempunyai satu pandangan yang mengharuskan wakaf bertempoh yang dipelopori oleh Ibn Surayj. Beliau menerangkan bahawa pewakaf masih memiliki harta yang telah diwakafkan dan ia perlu dipulangkan kepada pewakaf setelah tamat tempoh yang ditetapkan (Al-Amānah al-‘Āmmah li al-Awqāf – Al-Kuwayt, 2017; Al-Māwardīy, 1999; Al-Nawawīy, 1991; Al-Qaffāl, 1988; Hazzā‘, 2006). Al-‘Imrānīy (2000) turut menukulkan salah satu pandangan dalam mazhab Syāfi‘īy yang mengesahkan pemberian wakaf bertempoh sebagai pinjaman atau sewaan kepada penerima manfaat wakaf dalam tempoh yang ditetapkan. Walaupun begitu, Ibn Surayj menegaskan bahawa wakaf bertempoh adalah berbeza dengan pinjaman dari sudut kebenaran untuk merujuk semula kontrak yang telah dimeterai oleh pihak-pihak yang terlibat pada bila-bila masa (Al-Māwardīy, 1999)²⁰.

Kajian ini mendapati bahawa terdapat percanggahan data berkenaan pendirian mazhab Ḥanbalīy terhadap wakaf bertempoh dalam rujukan-rujukan literatur. Sebahagian literatur menyatakan bahawa mazhab Ḥanbalīy mempunyai satu pandangan yang membenarkan wakaf bertempoh, manakala literatur lain menyebutkan bahawa mazhab Ḥanbalīy tidak membenarkan wakaf bertempoh secara mutlak (Ab Rahman, 2018; Al-Amānah al-‘Āmmah li al-Awqāf – Al-Kuwayt, 2017; Al-Kubaysīy, 1977; Al-Zuhaylī, 2008; Hazzā‘, 2006; Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah – Al-Kuwayt, 2006; ‘Atā, 2020). Pengkaji melihat bahawa ia berpunca daripada kenyataan Al-Mardāwīy (1995) yang menyatakan bahawa lafaz tempoh yang terkandung dalam

²⁰ Al-Māwardī (1999) menukulkan jawapan Ibn Surayj ketika beliau ditanya tentang gambaran wakaf bertempoh yang menyerupai kontrak pinjaman; iaitu pemberian manfaat ‘ayn harta dalam tempoh masa tertentu. Ibn Surayj menjawab bahawa kontrak wakaf bertempoh tidak membenarkan pihak yang berakad membatalkan kontrak wakaf dalam tempoh penguatkuasaannya, manakala kontrak pinjaman boleh dibatalkan pada bila-bila masa.

sighah wakaf boleh difahami sebagai sah menurut mazhab Ḥanbalīy. Kajian ini bersependapat dengan kajian yang menekankan bahawa mazhab Ḥanbalīy mensyaratkan aspek kekal dalam pewujudan wakaf secara mutlak (Al-Kubaysīy, 1977).

Jika terdapat syarat tempoh dalam sighah wakaf, pandangan dalam mazhab Ḥanbalīy yang didakwa membenarkan wakaf bertempoh hanyalah mengesahkan status wakaf sahaja dan bukan lafaz tempoh yang terkandung dalam sighah wakaf tersebut (Al-Mardāwīy, 1995; Ibn Qudāmat, 1968). Dengan perkataan lain, wakaf tersebut adalah sah dan dikira sebagai wakaf kekal. Ia berlawanan dengan pandangan lain dalam mazhab Ḥanbalīy yang menyatakan pembatalan kontrak wakaf secara serta merta jika ia mengandungi sebarang penetapan tempoh (Al-Kubaysīy, 1977; Al-Mardāwīy, 1995; Ibn Qudāmat, 1968). Maka, menurut pandangan pertama di atas, wakaf yang mensyaratkan sesuatu tempoh adalah sah, namun tempoh tersebut adalah tidak terpakai dan aset wakaf hendaklah kekal diwakafkan (Al-Mardāwīy, 1995).

Pandangan para fuqaha yang membenarkan pelaksanaan wakaf bertempoh seperti yang dihuraikan di atas turut disokong oleh kajian-kajian kontemporari seperti Al-Khāmīy (2006), Al-Nujaymīy, (t.th.), Al-Qaradāwīy (2010), Al-Rifā'īy (t.th.), Hazzā' (2006), Qaḥf (2000), Sya' bān dan Al-Ghandūr (1984), Yūsuf (2006) dan Zahraṭ (1971). Walaupun wakaf bertempoh merupakan pandangan minoriti dalam kalangan fuqaha, Zahraṭ (1971) menegaskan bahawa *pentarjihan* terhadap keharusan wakaf bertempoh merupakan pandangan yang didasari dalil serta hujah yang lebih kuat, di samping mampu mendatangkan faedah yang lebih banyak.

Perlaksanaan wakaf bertempoh juga telah diperakukan oleh organisasi/institusi antarabangsa yang bertanggungjawab untuk memberikan keputusan hukum-hakam fiqh dan kewangan Islam seperti Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (IIFA) di bawah kelolaan Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (Organisation of Islamic

Cooperation, OIC) dan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) seperti berikut:

Jadual 3.2: Keputusan Organisasi Fiqh Antarabangsa Terhadap Hukum Wakaf Bertempoh

Organisasi	Penyataan Resolusi/Piawai	Resolusi/Piawai
IIFA	1. – Dalil-dalil wakaf yang bersifat mutlak boleh menghasilkan pelbagai jenis wakaf yang meliputi wakaf kekal dan bertempoh; wakaf <i>mufraz</i> dan <i>musya'</i> ; wakaf harta fizikal (<i>'ayn</i>), manfaat dan tunai; serta wakaf harta tak alih dan harta alih. Ini kerana kesemuanya termasuk dalam pemahaman kebajikan (<i>tabarru'</i>) yang luas dan digalakkan.	Resolusi No. 181 (19/7) Berkenaan Saham, Sukuk, Aset Tak Ketara dan Manfaat
	3. (c) – Sesebuah wakaf yang disyaratkan had tempoh pewakafannya adalah dilaksanakan mengikut syarat tersebut.	
	3. (h) – Penetapan tempoh (<i>al-tawqit</i>) bermaksud bahawa status wakaf terhadap sesuatu harta akan tamat dengan berakhirnya tempoh yang dinyatakan. Penetapan tempoh melalui kehendak pewakaf adalah harus bagi semua jenis harta wakaf.	
AAOIFI	33. 3/1/4 – Pada prinsipnya, wakaf adalah bersifat kekal. Walau bagaimanapun, wakaf bertempoh boleh dilaksanakan jika pewakaf menginginkan harta tersebut dipulangkan semula kepadanya setelah beberapa tempoh yang khusus.	Piawaian Syariah No. 33: Wakaf

Sumber: Terjemahan pengkaji daripada sumber AAOIFI (2015) dan Majma' al-Fiqh al-Islāmīy al-Dawliyy (2009)

Menurut Omar (2018), kebenaran pelaksanaan wakaf bertempoh turut dinyatakan oleh Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) menerusi ISRA Council of Scholars (CoS) pada 2016. Ia dapat dilihat menerusi cadangan ISRA terhadap pembangunan model wakaf-sukuk berdasarkan instrumen wakaf tunai bertempoh (Laldin, 2016; The World Bank Group et al., 2019).

3.5.1 Dalil dan Hujah Pandangan yang Membenarkan Wakaf Bertempoh

Asas kepada hukum wakaf bertempoh dapat ditemukan daripada pemahaman hadis 'Umar al-Khattāb RA yang mewakafkan sebidang tanah yang dimiliki beliau di

Khaibar. ‘Umar RA telah bertanya pandangan Rasulullah SAW tentang bagaimanakah cara yang sepatutnya untuk beliau menguruskan tanah tersebut.

Rasulullah SAW lalu bersabda:

إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا

“Jika kamu mahu, tahanlah (wakafkanlah) tanah itu dan kamu sedekahkan manfaatnya.” (Hadis. Al-Bukhārī no. 2737 dan Muslim no. 1632)²¹

Hadis tersebut disambung dengan pernyataan perawi iaitu ‘AbdulLāh ibn ‘Umar RA tentang tindakan bapa beliau RA:

فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ، أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، وَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ، وَفِي الثَّرَى
وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ، وَالصَّيْفِ

“Lalu ‘Umar mengeluarkan sedekah daripada hasil tanah itu dengan syarat tanah tersebut tidak boleh dijual, dihadiahkan atau diwarisi. Kemudian, ‘Umar mengeluarkan sedekah daripada hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat, (untuk tujuan) memerdekakan hamba, orang yang berjihad di jalan Allah, orang yang sedang dalam perjalanan dan menyantuni tetamu.” (Hadis. Al-Bukhārī no. 2737 dan Muslim no. 1632)

Penghujahan pertama hadis ini adalah pada frasa “jika kamu mahu” yang membuka pilihan kepada pewakaf untuk menahan harta wakaf mengikut ketetapan yang dimahukannya. Lafaz tersebut secara jelas tidak mengehadkan wakaf hanya perlu dilakukan secara kekal, namun turut mengharuskan ia dilakukan secara bertempoh. Kedua, penghujahan lafaz “tahanlah (wakafkanlah) tanah tersebut” juga tidak mewajibkan ia dilakukan secara kekal kerana penahanan harta boleh dilaksanakan secara kekal mahupun bertempoh (Ab Rahman, 2018; Al-Nujaymī, t.th.; Y. I. Yūsuf, 2006; Zahrat, 1971).

Selain itu, keharusan wakaf bertempoh juga dapat dilihat melalui dalil qias dengan mengambil perlaksanaan wakaf secara kekal sebagai hukum asal. Ia adalah berdasarkan

²¹ Lafaz hadis yang dinukilkan dalam kajian adalah bersumberkan lafaz riwayat al-Bukhārī.

pengakuan Rasulullah SAW atas tindakan 'Umar RA dan para sahabat dalam mewujudkan aset-aset wakaf mereka secara kekal (Hazzā', 2006; Zahraṭ, 1971). Pelaksanaan wakaf bertempoh mempunyai persamaan 'illat dengan hukum asal (wakaf kekal); iaitu pemberian manfaat melalui sumbangan kebajikan atau sedekah (Ab Rahman, 2018; Al-Kubaysīy, 1977; Sya'bān & Al-Ghandūr, 1984; Yūsuf, 2006; Zahraṭ, 1971). Oleh yang demikian, pemberian sedekah melalui manfaat sesuatu harta adalah sah secara bertempoh sebagaimana ia boleh disedekahkan secara kekal.

Pemberian dan pemilikan manfaat daripada wakaf juga boleh diqiaskan dengan pemberian manfaat dalam kontrak sewaan (*ijārat*) ('Atā, 2020). Abū Yūsuf menegaskan bahawa kontrak sewaan harus untuk dilakukan secara bertempoh dan bukan secara kekal (Al-Sarakhsīy, 1971). Melihat kepada kontrak wakaf pula, wakaf yang diwujudkan secara kekal adalah tidak terbatal. Maka, iringan tempoh dalam wakaf adalah lebih utama untuk tidak terbatal berdasarkan qias tersebut.

Perlaksanaan wakaf bertempoh turut bertepatan dengan hujah akal; iaitu pewujudan wakaf mestilah sejajar dengan kehendak pewakaf menurut syarat-syarat yang ditetapkan, termasuklah jika pewakaf menetapkan tempoh tertentu terhadap wakafnya (Ab Rahman, 2018; Al-Kubaysīy, 1977; Yūsuf, 2006). Ia dikukuhkan lagi dengan ketiadaan nas-nas syarak yang melarang penetapan tempoh dalam berwakaf (Sya'bān & Al-Ghandūr, 1984; Y. I. Yūsuf, 2006; Zahraṭ, 1971). Perkara tersebut bahkan lebih menyerlahkan ciri-ciri wakaf yang mesti dilaksanakan menurut ketetapan pewakaf. Ia juga tidak bercanggah dengan pandangan mazhab Mālikīy yang mengisbatkan pengekalan hak milik harta wakaf kepada pewakaf.

Pendirian jumhur fuqaha daripada mazhab Mālikīy, Syāfi'īy dan Ḥanbalīy yang membenarkan wakaf harta tidak alih (*al-manqūlāt*) pula secara tidak langsung telah bersetuju terhadap sebuah gambaran pelaksanaan wakaf bertempoh (Al-Buhūṭiy, 1993;

Al-Dusūqīy, t.th.; Al-Khaṭīb, 1994; Al-Nujaymīy, t.th.; Kahf, 1999). Ia berikutan keadaan harta alih seperti pedang, kuda perang dan perisai yang kebiasaannya mempunyai jangka hayat tertentu dan bersifat tidak kekal seperti harta tak alih. Abū Ḥanīfaṭ menggunakan hujah tersebut untuk tidak membenarkan wakaf dilaksanakan terhadap harta alih, namun Abū Yūsuf dan Muḥammad memperakui wakaf harta alih dengan syarat ia merupakan objek yang mengikuti wakaf harta tak alih atau wakaf hartanah (*al-‘aqār*) (W. M. Al-Zuḥaylīy, t.th.; Ibn Al-Humām, 1970; Wizārat al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyat – Al-Kuwayt, 2006).

Contoh objek yang mengikuti wakaf harta tak alih adalah seperti pokok dan tanaman-tanaman dalam kawasan tanah yang diwakafkan. Abū Yūsuf dan Muḥammad turut meluaskan kebenaran wakaf harta tak alih kepada barang-barang keperluan bagi penghasilan manfaat tanah wakaf seperti jentera dan alat-alatan pertanian (Al-Kasānīy, 1910; Ibn Māzah, 2004).

Sebahagian para fuqaha yang membenarkan wakaf bertempoh turut mengecualikan pelaksanaannya terhadap sebilangan aset wakaf. Hal ini bermaksud bahawa aset-aset tersebut mestilah diwakafkan secara kekal sahaja. Isu ini bertitik tolak daripada perbezaan pandangan, khususnya dalam mazhab Mālikīy berkenaan status pemilikan harta wakaf terhadap masjid²².

Al-Qarāfīy (1994) menyatakan bahawa ijmak ulama telah sepakat berkenaan pengguguran hak milik pewakaf terhadap wakaf masjid, manakala status pemilikan harta wakaf selain masjid merupakan khilaf dalam kalangan ulama. Ia disebabkan masjid merupakan tempat mendirikan solat jemaah dan solat Jumaat yang tidak boleh

²² Pandangan yang masyhur dalam mazhab Maliki berkenaan pemilikan harta wakaf ialah harta tersebut kekal menjadi milik pewakaf (Al-Dardīr, 2000; Al-Dusūqīy, t.th.; Al-Ḥaṭṭāb Al-Ru‘yanīy, 1992; Muḥammad ‘Illīsy, 1983).

dilakukan di atas kawasan yang dimiliki oleh seseorang (*al-mamlūk*) (Al-Dusūqīy, t.th.; Al-Kharashī, 1899; Al-Qarāfīy, 1994). Pandangan tersebut adalah berdasarkan ayat al-Quran di bawah:

﴿وَأَنَّ الْمَسْجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا﴾

“Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata, maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah”. (Al-Quran. Al-Jin 72:18)

Al-Qayrawānīy (1999) pula berpendirian bahawa pewakaf masih memiliki harta wakaf walaupun terhadap masjid. Al-Dusūqīy (t.th.) mencermati kedua-dua pandangan al-Qarāfīy dan al-Qayrawānīy, lalu menerima bahawa sememangnya terdapat khilaf bagi status pemilikan wakaf masjid dalam mazhab Mālikīy. Beliau turut memberi jawapan terhadap hujah Al-Qarāfīy (1994) di atas dengan menerangkan bahawa hak milik bagi pewakaf bukanlah merupakan pemilikan mutlak sehingga pewakaf boleh melakukan sebarang *taṣarruf* terhadap masjid. Akan tetapi, hak milik tersebut menandakan bahawa pewakaf melarang sebarang *taṣarruf* pihak lain terhadap masjid yang telah diwakafkan olehnya.

Permasalahan wakaf bertempoh terhadap masjid turut menjadi perbincangan dalam kajian-kajian kontemporari. Selain masjid, sarjana turut berpandangan bahawa pelaksanaan wakaf bertempoh turut dikecualikan terhadap manfaat masjid, tanah perkuburan dan benteng pertahanan (Ab Rahman, 2018; F. Abd. Rahman et al., 2021; Hazzā‘, 2006; Sya‘bān & Al-Ghandūr, 1984; Y. I. Yūsuf, 2006; Zahrat, 1971). Ia berasaskan beberapa justifikasi:

1. Keperluan berterusan penerima manfaat terhadap aset wakaf.
2. Tiada gambaran praktikal yang sesuai bagi pelaksanaan wakaf bertempoh terhadap aset-aset tersebut.

3. Khuatir terhadap penukaran masjid kepada tujuan-tujuan lain yang dilihat tidak menghormati darjat kemuliaan masjid dalam Islam.
4. Memelihara keselamatan umat Islam dan perbatasan negara.

Al-Nujaymīy (t.th.) telah melontarkan pandangan yang berbeza dengan menyokong pelaksanaan wakaf bertempoh hatta terhadap masjid. Beberapa cadangan pelaksanaannya adalah seperti berikut:

1. Seseorang mewakafkan tanah dan bangunan yang dimilikinya untuk dijadikan masjid secara sementara bagi keperluan umat Islam setempat.
2. Seseorang menyewa bangunan untuk diwakafkan sebagai masjid untuk tempoh masa tertentu.
3. Seseorang mewakafkan tanah, ruang atau bangunan secara bertempoh untuk dijadikan tempat solat pada waktu tertentu sahaja seperti solat Jumaat yang didirikan sekali seminggu dan solat hari raya yang didirikan dua kali setahun.

Kahf (1999) turut mengulas bahawa sememangnya terdapat keperluan pada hari ini untuk melaksanakan wakaf bertempoh terhadap masjid yang tidak dibahaskan dengan lebih lanjut oleh para ulama silam.

Berdasarkan hujah-hujah yang diberikan, kajian ini melihat bahawa walaupun terdapat khilaf dalam mazhab Mālikīy berkenaan isu wakaf bertempoh terhadap masjid, kesemua mereka cenderung untuk melarang sebarang *taṣarruf* terhadap masjid setelah ia diwakafkan. Namun begitu, pandangan yang mengekalkan pemilikan pewakaf hatta terhadap wakaf masjid dilihat mampu membuka ruang baharu dalam memberikan penyelesaian yang baik terhadap keperluan-keperluan semasa umat Islam global. Kajian ini juga melihat wujudnya potensi bagi pembangunan garis panduan wakaf bertempoh terhadap masjid dengan memberikan perhatian kepada beberapa perincian seperti jenis-

jenis masjid yang ingin diwakafkan, keadaan masyarakat setempat, keperluan semasa dan undang-undang berkaitan institusi masjid di setiap negara.

3.6 Pandangan Fiqh yang Melarang Pelaksanaan Wakaf Bertempoh

Pendapat jumhur fuqaha mazhab Ḥanafīy, Syāfi'īy dan Ḥanbalīy melarang pelaksanaan wakaf bertempoh. Ia berikutan bahawa sesebuah wakaf itu hanya sah jika ia diwujudkan secara kekal, manakala wakaf yang disertai dengan lafaz tempoh tertentu adalah terbatal (Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyat – Al-Kuwayt, 2006).

Seperti yang telah dinyatakan, asal perbincangan wakaf bertempoh dalam mazhab Ḥanafīy dapat ditemukan melalui perbincangan isu mewakafkan harta kepada pihak yang terbatas ataupun tidak terbatas. Abū Ḥanīfat dan Muḥammad ibn al-Ḥasan menyatakan bahawa penetapan tempoh (*al-tawqīt*) dalam kontrak wakaf yang dijalankan adalah tidak sah dan terbatal seperti penetapan tempoh dalam kontrak jual beli (Al-Sarakhsīy, t.th.; Al-Zayla'īy, 1896; Ibn Al-Humām, 1970). Pandangan tersebut juga dinyatakan oleh al-Khaṣṣāf dan Hilāl al-Ra'yī dengan memperincikan bahawa sesuatu wakaf itu boleh terbatal jika pewakaf mensyaratkan supaya harta wakaf dipulangkan semula kepadanya setelah tempoh pewakafan tamat ataupun meletakkan sesuatu syarat yang menghilangkan elemen kekal pada wakaf tersebut (Al-Miṣrīy et al., t.th.; Al-Ṭarābulusīy, 1902; Ibn Nujaym, 2002).

Pandangan dalam mazhab Syāfi'īy menjelaskan bahawa aspek kekal merupakan salah satu daripada empat syarat pewujudan wakaf²³. Al-Juwaynīy, al-Nawawīy dan al-Ramlīy turut menekankan bahawa aspek kekal (*al-ta'bīd*) merupakan prinsip utama dalam kontrak wakaf yang membezakan antara wakaf dengan kontrak-kontrak

²³ Empat syarat sah wakaf menurut mazhab Syāfi'īy ialah: 1) kekal (*al-ta'bīd*); 2) serta merta (*al-tanjīz*); 3) penetapan pihak penerima manfaat (*bayān al-maṣrif*); dan 4) kontrak lazim (*al-ilzām*) (Al-Nawawīy, 1991; Al-Ramlīy, 1984).

pemberian (*al-tabarru 'āt*) yang lain (Al-Juwaynīy, 2007; Al-Nawawīy et al., 1928; Al-Ramlīy, 1984). Walaupun begitu, terdapat gambaran penetapan tempoh yang tidak memberi kesan terhadap elemen kekal dalam kontrak wakaf yang dijalankan seperti (Al-Haytamīy, 1983; Al-Ramlīy, 1984):

- 1) Tempoh yang memberi maksud selama-lamanya seperti: “aku wakafkan harta ini untuk 1000 tahun”.
- 2) Pengehadan tempoh wakaf kepada penerima yang khusus, kemudian disertai dengan wakaf kepada pihak yang tidak terbatas seperti: “aku wakafkan harta ini kepada Ahmad untuk setahun dan setelah itu kepada fakir miskin”.

Larangan penetapan tempoh dalam pewujudan wakaf menurut mazhab Hanbalīy jelas dilihat ketika ia mensyaratkan pengguguran hak milik harta wakaf daripada pewakaf (Al-Ḥajjāwīy, t.th.; Al-Mardāwīy, 2004; Ibn Najjār, 1999). Al-Ḥajjāwīy (t.th.), Al-Karmīy (2007) dan Ibn Najjār (1999) turut menyatakan bahawa sesebuah wakaf itu adalah tidak sah jika dilakukan dengan lafaz kinayah (kiasan) seperti: “aku sedekahkan harta ini” kecuali diiringi dengan niat untuk berwakaf atau dengan menambah salah satu daripada lima perkataan berikut iaitu: “*mawqūfat*” (wakaf), “*muḥabbasaṭ*” (yang ditahan), “*musabbalaṭ*” (yang diserahkan manfaatnya), “*muḥarramaṭ*” (haram) atau “*mu'abbadaṭ*” (kekal). Justeru, dapat dilihat di sini bahawa dua lafaz yang terakhir telah menyentuh aspek pemilikan harta wakaf yang tidak boleh dijual, dihadiahkan ataupun diwarisi (*muḥarramaṭ*) untuk tempoh selama-lamanya (*mu'abbadaṭ*).

Al-Raḥībānīy (1994) turut menyatakan bahawa salah satu syarat sah wakaf ialah ia tidak disertai dengan apa-apa syarat boleh merosakkan sifat wakaf seperti mengehadkan tempohnya, lalu aset wakaf dipulangkan semula kepada pewakaf setelah tempoh pewakafan tamat. Keadaan tersebut akan sekali gus membatalkan wakaf serta

syarat yang dinyatakan menurut pandangan yang sahih dalam mazhab Ḥanbalīy (Al-Raḥībānīy, 1994; Ibn Najjār, 1999).

Pandangan yang melarang penetapan had tempoh dalam pewujudan wakaf turut dipilih dalam kajian-kajian kontemporari seperti Al-Ghuṣn (2001); Al-Khathlān (t.th.); Al-Kubaysīy (1977); Al-Syu‘ayb (2006); Al-Zarqā (1997); Ṣabrī (2011); dan ‘Asyysūb (2000). *Pentarjihan* dalam kajian-kajian tersebut dilakukan berdasarkan penilaian mereka terhadap hujah-hujah para fuqaha sama ada dalam kalangan yang membenarkan atau melarang pelaksanaan wakaf bertempoh.

3.6.1 Dalil dan Hujah Pandangan yang Melarang Wakaf Bertempoh

Sifat kekal yang menjadi syarat kepada pewujudan harta wakaf telah diistinbatkan oleh para fuqaha melalui hadis Ibn ‘Umar RA berkenaan wakaf ‘Umar al-Khaṭṭāb RA sebelum ini. Pertama, pernyataan hadis tersebut yang menggunakan kata kerja “*ḥabasa*” yang bermaksud “menahan” mempunyai konotasi penahanan secara kekal mengikut ‘urf setempat atau kebiasaan masyarakat Arab. Kedua, frasa “tidak boleh dijual, dihadiahkan atau diwariskan” dalam hadis yang sama menandakan secara jelas bahawa wakaf hendaklah dilakukan secara kekal. Al-Kubaysīy (1977) dan Ṣabrī (2011) menguatkan penghujahan tersebut dengan mendatangkan hadis-hadis yang mempunyai lafaz tambahan seperti berikut:

وَلَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ مَا قَامَتِ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ

“Dan (ia) tidak dijual, dihadiahkan dan diwariskan sehinggalah hari kiamat.” (Hadis. Al-Dāruqtñīy no. 4425)²⁴

فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَصَدَّقْ بِثَمَرِهِ وَاحْسِنْ أَصْلَهُ، لَا يُبَاعُ وَلَا يُورَثُ

²⁴ Rujukan hadis riwayat al-Dāruqtñīy telah didapatkan daripada sumber Al-Dāruqtñīy (2004).

“Maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya: Sedekahkanlah hasilnya dan tahanlah (wakafkanlah) asal harta tersebut, (iaitu ia) tidak dijual dan diwariskan.” (Hadis. Al-Bayhaqīy no. 11891)²⁵

Kedua-dua hadis di atas menunjukkan dengan jelas bahawa pewujudan wakaf mestilah dilakukan secara kekal. Melihatkan kepada lafaz hadis yang pelbagai, perkara tersebut menimbulkan pertanyaan sama ada syarat kekal dalam pewujudan wakaf itu disandarkan kepada sabda Rasulullah SAW ataupun pilihan ‘Umar RA. Al-Syawkānīy memberikan komentar bahawa perkara tersebut tidaklah bercanggah, dan pemahaman berkenaannya mampu disatukan (*al-jam‘u*) dengan maksud bahawa ‘Umar RA mensyaratkan pengekalan wakaf setelah ia diperintahkan oleh Nabi SAW (Al-Syawkānīy, 1993).

Hujah tersebut dikuatkan lagi dengan amalan wakaf para sahabat dan tabiin yang diikat dengan syarat kekal serta tiada satu pun yang dilakukan secara bertempoh (Al-Khathlān, t.th.). Berdasarkan perkara tersebut, jumhur fuqaha menyatakan bahawa aspek kekal adalah inti pati utama dalam kontrak wakaf, walhasil menafikan sebarang ketetapan had tempoh dan syarat-syarat sepertinya yang merosakkan wakaf (Al-Khathlān, t.th.; Al-Kubaysīy, 1977; Yūsuf, 2006; Zahrat, 1971; ‘Asyayūb, 2000). Al-Syū‘ayb (2006) turut menyatakan bahawa kontrak wakaf yang diiringi dengan had tempoh akan menghilangkan ciri-ciri utamanya dan menjadikannya sama seperti kontrak-kontrak kebajikan (*al-tabarru‘āt*) yang lain.

Pengekalan harta wakaf juga dilihat sepadan dengan mafhum hadis yang menyatakan tentang sedekah jariah seperti berikut:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

“Apabila seorang insan itu meninggal dunia, maka terputuslah segala amalannya kecuali pada tiga perkara: sedekah jariah (wakaf), ilmu yang

²⁵ Rujukan hadis riwayat al-Bayhaqīy telah didapatkan daripada sumber Al-Bayhaqīy (2003).

dimanfaatkan atau anak soleh yang mendoakannya.” (Hadis. Riwayat Muslim no. 1631)

Menurut kefahaman hadis tersebut, wakaf yang merupakan sedekah jariah; iaitu sedekah yang menjanjikan pahala yang berterusan kepada pemberinya hanya dapat diperolehi dengan pengekalan sesebuah aset tersebut tanpa mengehendkan tempoh pemberiannya (Ab Rahman, 2018; Al-Sarakhsīy, t.th.). Jika sesuatu wakaf dihadkan hanya kepada tempoh tertentu, maka pahala yang diperolehi oleh pewakaf juga hanya terhad sehingga tamat tempoh tersebut dan ia tidak menepati ciri-ciri berterusan (jariah).

Melihat kepada konsep pelaksanaan wakaf bertempoh pula, ketetapan *ilzām* terhadap wakaf adalah bertentangan dengan gambaran qias kepada akad pinjaman yang tidak boleh dijadikan sebagai akad lazim (Al-Juwaynīy, 2007). Hal demikian bertitik tolak daripada gambaran wakaf bertempoh yang berkisar tentang pemberian manfaat sesebuah harta tanpa apa-apa balasan, sama seperti pemberian pinjaman. Hujah ini turut menjawab penjelasan Ibn Surayj berkenaan larangan pembatalan kontrak wakaf bertempoh yang telah disepakati oleh pihak-pihak yang terlibat atau menjadikannya sebagai akad lazim (Al-Māwardīy, 1999).

Selain itu, jumhur fuqaha berijtihad bahawa wakaf akan menggugurkan pemilikan sesebuah harta daripada pewakaf (Al-Māwardīy, 1999; Şabrī, 2011). Ia diqiaskan dengan amalan membebaskan hamba, jual beli dan hibah yang bermaksud melepaskan serta memutuskan pemilikan harta daripada pemberinya (Yūsuf, 2006; Zahraṭ, 1971). Persoalan yang dibangkitkan ialah, jika wakaf tidak memutuskan hak pemilikan, maka masjid (yang mesti dilakukan secara wakaf) juga boleh dimiliki oleh pewakaf dan perkara tersebut adalah sesuatu yang tidak wajar (Şabrī, 2011).

Seterusnya, amalan yang mempunyai tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT (*qurbat*) seperti wakaf, membebaskan hamba dan bersedekah tidak boleh dilakukan

dengan menghadkan pemberiannya hanya untuk tempoh masa tertentu (Ab Rahman, 2018; Al-Nawawīy et al., 1928). Pandangan ini juga menegaskan bahawa tiada sebarang dalil yang menyatakan bahawa wakaf boleh dilakukan secara bertempoh, namun di sana terdapat dalil yang menyatakan ia mesti dilakukan secara kekal (Al-Qaradāwīy, 2010; Yūsuf, 2006; Zahrat, 1971). W. M. Al-Zuhaylīy (t.th.) turut menyatakan dengan ringkas bahawa hujah para sarjana yang membenarkan wakaf bertempoh hanyalah berdasarkan maslahat umat Islam.

3.7 Pandangan Terpilih Berkenaan Hukum Wakaf Bertempoh

Subtopik ini akan cuba membawakan pandangan yang terpilih berkenaan hukum wakaf bertempoh berdasarkan dalil dan hujah kedua-dua belah pihak seperti yang telah dibentangkan. Bagi tujuan tersebut, kajian ini akan terlebih dahulu membawakan jawapan terhadap hujah-hujah bagi pandangan yang mengharuskan pelaksanaan wakaf bertempoh, lalu diikuti dengan jawapan terhadap hujah-hujah golongan yang melarangnya.

Hasil perbahasan menerusi jawapan-jawapan tersebut dapat membantu kajian mengenal pasti punca perselisihan pandangan (*mahall al-nizā'*) dalam isu ini serta dapat menyediakan sebuah cadangan penyelesaian bagi pelaksanaan wakaf bertempoh yang selari dengan hukum fiqh. Kaedah penilaian ini dapat menerapkan pendekatan proses *tarjih* terhadap dua dalil bertentangan yang digunakan oleh para fuqaha dalam mengisbatkan sesebuah hukum yang diperselisihkan (M. M. Al-Zuhaylīy, 2006).

3.7.1 Jawapan Terhadap Hujah Keharusan Pelaksanaan Wakaf Bertempoh

Hujah utama berkenaan syarat kekal dalam pewujudan wakaf tentunya disandarkan kepada hadis 'Umar RA yang jelas menyatakan bahawa harta wakaf

perlu dilaksanakan secara kekal melalui lafaz “tidak dijual, dihadiahkan mahupun diwariskan” serta lafaz “*habs*” yang membawa maksud penahanan harta untuk selamanya. Ia merupakan sebuah lafaz sarif yang tidak memerlukan pentafsiran selain daripadanya (Al-Kubaysīy, 1977; Al-Syu‘ayb, 2006; Şabrī, 2011).

Jika ia bukan merupakan syarat yang disabdakan oleh Rasulullah SAW sekalipun, perlaksanaannya telah pun mendapat perakuan daripada baginda menerusi wakaf kekal ‘Umar RA. Tambahan pula, amalan wakaf para sahabat yang dilaksanakan secara kekal merupakan suatu hujah ijmak melalui perbuatan (*ijmā‘ ‘amalīy*) (Al-Kubaysīy, 1977; Şabrī, 2011). Berikutan hujah ini, M. A. Al-Zarqā (1997) mendakwa bahawa larangan wakaf bertempoh telah dipersetujui oleh seluruh fuqaha.

Seterusnya, qias hukum wakaf bertempoh terhadap wakaf kekal tidak boleh dihujahkan kerana hukum wakaf secara kekal telah menyalahi qias (*mukhālafat al-qiyās*). Maka, qias tidak boleh terbina di atas sesuatu hukum yang telah sedia bertentangan dengan qias (Zahrā, 1971; ‘Atā, 2020). Penghujahan qias wakaf bertempoh terhadap kontrak sewaan juga merupakan hujah yang tidak jitu, melihatkan kepada amalan wakaf yang menitikberatkan sekatan fizikal sesuatu harta (*‘ayn*) dan tidak terhad kepada aspek pemberian manfaat semata-mata. Sehubungan itu, penetapan syarat tempoh adalah tidak menepati ciri-ciri wakaf (Al-Kubaysīy, 1977; Şabrī, 2011). Para fuqaha turut menyatakan bahawa adalah harus untuk menyalahi sebarang syarat pewakaf yang tidak bertepatan dengan inti pati wakaf seperti penetapan had tempoh masa dalam pemberiannya (Al-Kubaysīy, 1977).

Dalam pada itu, Al-Kubaysīy (1977) dan Şabrī (2011) turut mempersoalkan pandangan yang membenarkan pelaksanaan wakaf bertempoh berdasarkan pernyataan bahawa jumhur fuqaha, termasuk mazhab Mālikīy berpendirian bahawa wakaf masjid

perlu diwujudkan secara kekal, dan pemilikannya hendaklah terputus daripada pewakaf. Antara persoalan yang ditimbulkan ialah:

- 1) Bagaimanakah boleh terdapat sebahagian harta wakaf mesti dilakukan secara kekal menurut pandangan yang mengharuskan wakaf secara bertempoh?
- 2) Adakah terdapat dalil di sisi mazhab Mālikīy yang menyokong ijtihad mereka untuk mengkhususkan pengekalan wakaf terhadap masjid?
- 3) Mengapakah mazhab Mālikīy tidak menggunakan qias wakaf masjid kepada wakaf-wakaf selainnya yang perlu dilakukan secara kekal untuk selamanya?

3.7.2 Jawapan Terhadap Hujah Larangan Perlaksanaan Wakaf Bertempoh

Hadis-hadis yang menerangkan tentang amalan wakaf, khususnya hadis wakaf ‘Umar RA dapat difahami sebagai pemberian wakaf secara kekal. Namun, ia tidak bermaksud untuk menghalang sesebuah wakaf dilakukan dalam had tempoh masa yang tertentu (Zahrat, 1971). Hal ini jelas dinyatakan dalam sabda Nabi SAW yang memberikan pilihan kepada ‘Umar RA untuk mewujudkan wakaf beliau menerusi lafaz “jika kamu mahu”. Cadangan Rasulullah SAW supaya ‘Umar RA menahan pengurusan harta beliau yang terdapat dalam kalimah “*habs*” juga tidak membawa maksud pengekalan sebagaimana yang diujahkan oleh golongan yang melarang penetapan tempoh dalam amalan wakaf (Ab Rahman, 2018; Al-Qaraḍāwīy, 2010; Yūsuf, 2006; Zahrat, 1971; ‘Atā, 2020).

Sambungan hadis tersebut yang menekankan konsep kekal dalam pewujudan wakaf pula hanyalah merupakan kata-kata ‘Umar RA yang diperakui oleh Rasulullah SAW (Ab Rahman, 2018; Zahrat, 1971; ‘Atā, 2020). Sekali lagi, perakuan baginda terhadap pilihan ‘Umar RA untuk berwakaf secara kekal tidak menandakan sebarang

larangan bagi sesuatu wakaf itu dilakukan secara bertempoh. Begitu juga keadaannya apabila para sahabat dan tabiin memilih untuk mewakafkan harta mereka secara kekal dan ia turut diterima oleh waris-waris mereka (Al-Kubaysīy, 1977). Perkara tersebut turut membuktikan dengan jelas bahawa syarat yang diletakkan oleh pewakaf mestilah diambil berat dan dilaksanakan, bertepatan dengan pemahaman umum sebuah kaedah fiqh berkaitan wakaf yang menyebutkan:

شَرَطُ الْوَاقِفِ كَنْصِ الشَّارِعِ

“Syarat (yang diletakkan oleh) pewakaf adalah (dianggap) seperti nas syarak.” (A. M. Al-Zarqā, 1989)

Kaedah fiqh di atas menerangkan bahawa syarat yang ditetapkan oleh pewakaf perlulah diteliti seperti nas al-Quran dan sunah dalam konteks pemahaman, pendalilan dan kewajipan beramal dengannya (Al-Sabīl, 2020). Hasilnya, syarat yang dinyatakan oleh pewakaf dalam pewujudan wakafnya mestilah dilaksanakan selagi mana ia tidak bertentangan dengan hukum syarak, tujuan kebajikan (*qurbat*) atau ketetapan pemerintah melalui undang-undang setempat (Al-Sabīl, 2020; A. M. Al-Zarqā, 1989).

Larangan *ilzām* terhadap kontrak wakaf bertempoh pula tidaklah menjadi suatu isu kerana wakaf merupakan suatu sedekah. Penetapan sebarang komitmen dalam pemberian sedekah adalah diharuskan dan ketetapan *ilzām* terhadap kontrak wakaf bertempoh turut dibenarkan melalui hujah qias kepada kontrak sewaan (Zahrāṭ, 1971). Ia merupakan komitmen yang telah dinyatakan oleh pewakaf, justeru mengikat pewakaf untuk menepatinya. Perkara ini menjadikan wakaf bertempoh berbeza daripada kontrak pinjaman sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn Surayj sebelum ini, sekali gus membezakannya dengan akad muamalat yang lain.

Selain itu, pandangan jumbuh fuqaha yang melarang penetapan had tempoh dalam wakaf kerana terputusnya hak pemilikan pewakaf tidak boleh dijadikan hujah untuk menentang pendirian mazhab Mālikīy (Ab Rahman, 2018; Hazzā’, 2006; Zahrāṭ, 1971;

‘Atā, 2020). Hal ini demikian kerana mazhab Mālikīy mengekalkan hak pemilikan harta wakaf kepada pewakaf seperti yang telah dihuraikan. Maka, penetapan had tempoh terhadap wakaf adalah konsisten dengan pendirian mazhab Mālikīy mengenai pemilikan harta wakaf dan ia tidak terikat dengan pandangan mazhab selainnya (Zahrat, 1971). Jelas di sini bahawa isu status pemilikan harta wakaf merupakan khilaf yang muktabar dalam kalangan fuqaha (Hazzā‘, 2006).

Pendirian kebanyakan fuqaha mazhab Mālikīy yang mewajibkan pemutusan hak pemilikan terhadap wakaf masjid telah dibincangkan secara ringkas dalam subtopik 3.5.1. Walaupun masih terdapat khilaf berkenaan isu tersebut, kajian ini berpandangan bahawa pengecualian untuk mewakafkan masjid secara kekal secara umumnya adalah tidak bercanggah dengan pandangan mazhab Mālikīy yang mengharuskan sesuatu wakaf dilakukan secara kekal ataupun bertempoh. Ini kerana pengecualian tersebut adalah didasari dengan dalil serta bertujuan untuk melindungi maslahat umat Islam dan kepentingan institusi masjid (Ab Rahman, 2018; Hazzā‘, 2006).

Yūsuf (2006) turut memberikan komentar bahawa hujah qias antara wakaf dan amalan membebaskan hamba yang memutuskan pemilikan daripada pemilik asal harta tersebut merupakan qias yang tidak sepadan (*qiyās ma‘a al-fāriq*). Ia berikutan keadaan hamba yang telah pun merdeka tidak boleh dikembalikan kepada status hamba, dan hukum tersebut terpakai hatta terhadap tawanan perang yang telah ditebus oleh pasukannya. Sebaliknya, tiada sebarang isu yang timbul untuk memiliki harta wakaf setelah berakhirnya tempoh pewakafan.

Begitu juga halnya dengan gambaran qias hukum wakaf terhadap hukum jual beli yang tidak wajar. Ini kerana pemindahan pemilikan dalam kontrak jual beli dilaksanakan terhadap pemilikan *‘ayn* harta, sedangkan pemindahan pemilikan dalam wakaf terjadi terhadap manfaat harta tersebut (Ab Rahman, 2018; Hazzā‘, 2006; Yūsuf,

2006). Adapun pemilikan manfaat yang menjadi mauduk wakaf bolehlah dilakukan secara kekal atau bertempoh.

Selanjutnya, kritikan terhadap wakaf bertempoh yang tidak sepatutnya diujahkan dengan qias terhadap wakaf kekal adalah tidak tepat dengan mengambil kira bahawa wakaf merupakan amalan yang dapat ditentukan hukum serta objektifnya (*ma'qūl al-mā'nā*), maka diharuskan qias kepadanya (Zahrat, 1971; 'Atā, 2020). Hujah wakaf merupakan salah satu amalan *qurbat* yang hanya boleh dilakukan secara kekal juga telah disanggah oleh fuqaha silam seperti Abū Yūsuf dan Ibn Surayj yang menyatakan bahawa *qurbat* boleh dilakukan dalam had tempoh masa tertentu sebagaimana ia harus untuk dilakukan secara kekal (Al-Māwardī, 1999; Al-Sarakhsī, t.th.; Al-Zayla'ī, 1896)²⁶.

3.7.3 Penilaian Hujah


Setelah menelusuri perbincangan berkenaan penetapan had tempoh dalam pewujudan wakaf, punca perselisihan isu ini boleh dilihat daripada perbezaan tafsiran yang berlaku dalam kalangan fuqaha terhadap dalil utama hukum wakaf; iaitu hadis wakaf 'Umar al-Khattāb RA. Ringkasnya, jumhur fuqaha melihat bahawa penekanan terhadap aspek kekal yang ditonjolkan dalam hadis tersebut sebagai suatu ketetapan yang wajib dilaksanakan terhadap hukum wakaf. Pandangan segelintir fuqaha, khususnya bermazhab Mālikīy pula memahami hadis tersebut melalui keumuman lafaznya yang membuka ruang kepada pewujudan wakaf secara kekal dan bertempoh.

²⁶ Abū Yūsuf membawakan hujah keharusan untuk memberikan sedekah sama ada kepada pihak yang tidak terbatas atau kepada pihak yang terbatas. Ibn Surayj pula menggambarkan persamaan antara sedekah seseorang yang boleh dilakukan terhadap keseluruhan hartanya atau sebahagian hartanya, begitulah juga harus menyedekahkan hartanya untuk keseluruhan zaman (secara kekal) ataupun untuk sebahagiannya (secara bertempoh) sahaja. Kesimpulannya, kedua-dua konteks tersebut memberi makna bahawa wakaf merupakan amalan bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT yang boleh dilakukan secara kekal mahupun bertempoh.

Selain daripada nas hadis tersebut, hujah kedua-dua pandangan dihuraikan melalui penghujahan akal (*dalīl 'aqlīy*), termasuklah penggunaan qias terhadap hukum-hukum syarak yang pelbagai. Menurut Y. I. Yūsuf (2006), hadis 'Umar RA bukanlah dalil yang hanya boleh difahami dengan satu makna pentafsiran sahaja (*qaṭ'īy al-dilālat*) yang mewajibkan mukalaf untuk berpegang hanya pada pemahaman tersebut dan melarangnya daripada membawa pentafsiran yang lain. Oleh yang demikian, kesemua hujah bagi kedua-dua pihak dilihat bertembung pada penghujahan akal semata-mata.

Jika diperhatikan pada aspek konsistensi hujah kedua-dua belah pihak, maka kedua-duanya dilihat tidak memenuhi syarat-syarat wakaf yang dinyatakan menurut pandangan setiap daripada mereka. Sebagai penerangan ringkas, elemen kekal dalam pewujudan sesebuah kontrak wakaf memberikan kefahaman bahawa ia mempunyai ciri-ciri kekal pada jenis harta wakaf, tempoh pewakafan dan tujuan wakaf yang merupakan penyerahan manfaat wakaf kepada pihak yang tidak terbatas (Hamdan & Mahamood, 2016; Qaḥf, 2000).

Jika diperhatikan, jumhur fuqaha mewajibkan elemen kekal dalam pewujudan wakaf namun pada masa yang sama membenarkan pewujudan wakaf terhadap aset-aset yang tidak kekal jangka hayatnya seperti kenderaan, peralatan perang dan sebagainya (Kahf, 1999). Fuqaha yang membenarkan pelaksanaan wakaf bertempoh pula telah keluar daripada pendirian mereka dengan menetapkan pengecualian terhadap beberapa aset wakaf yang tidak boleh dilakukan secara bertempoh seperti masjid, manfaat masjid dan tanah perkuburan (F. Abd. Rahman et al., 2021; Al-Dusūqīy, t.th.).



Sumber: Olahan pengkaji daripada sumber (Hamdan & Mahamood, 2016)

Rajah 3.3: Elemen Kekal Terhadap Tiga Aspek dalam Kontrak Wakaf

Pada akhirnya, kedua-dua pihak dilihat lebih banyak mengemukakan hujah sokongan atas dasar maslahat dan keperluan umat Islam, sama ada terhadap wakaf kekal atau wakaf bertempoh (Al-Khāmīy, 2006; Al-Kubaysiy, 1977; Al-Nujaymīy, t.t.h.; Hazzā', 2006; Şabrī, 2011; Sya'bán & Al-Ghandūr, 1984; Y. I. Yūsuf, 2006).

Oleh yang demikian, kajian ini cenderung untuk memilih pandangan mazhab Mālikīy yang membenarkan perlaksanaan wakaf secara bertempoh, sebagaimana ia harus untuk dilakukan secara kekal. Ini kerana ia mampu merealisasikan maslahat pewujudan wakaf secara kekal dan bertempoh secara sekali gus, berbanding menghadkannya hanya kepada wakaf kekal. Hasilnya, perluasan amalan wakaf secara kekal dan bertempoh mampu untuk mewujudkan instrumen wakaf yang pelbagai serta berpotensi untuk meningkatkan bilangan pewakaf, aset wakaf dan penerima manfaat wakaf secara keseluruhan (Ab Rahman, 2018; Al-Qaraḍāwīy, 2010; 'Atā, 2020).

3.8 Perbandingan Manfaat Antara Wakaf Bertempoh dan Wakaf Kekal

Berdasarkan penilaian hukum wakaf bertempoh di atas, kajian ini menyimpulkan kelebihan pelaksanaan wakaf bertempoh berbanding wakaf kekal seperti berikut:

- 1) **Memenuhi keperluan harta bagi penerima manfaat (*mawqūf 'alayh*) serta pewakaf (*wāqif*):** Menerusi wakaf bertempoh, golongan penerima manfaat boleh mendapat faedah daripada harta yang diwakafkan dalam tempoh masa yang diperlukan, manakala pewakaf pula boleh mengekalkan pemilikan harta tersebut bagi kelangsungan kehidupan mereka pada masa akan datang.
- 2) **Mengoptimumkan penggunaan pelbagai bentuk aset umat Islam:** Elemen pemulangan aset dalam wakaf bertempoh menjadikan pewakaf lebih cenderung untuk mewakafkan harta mereka yang tidak dimanfaatkan untuk jangka masa tertentu. Keadaan tersebut menjadikan aset-aset umat Islam dapat dimanfaatkan oleh golongan yang memerlukan, berbanding jika ia dibiarkan begitu sahaja.
- 3) **Menarik minat lebih ramai pewakaf:** Ciri-ciri pemulangan harta wakaf kepada pewakaf dalam instrumen wakaf bertempoh mampu menarik lebih ramai pewakaf, khususnya bagi golongan yang tidak mempunyai lebihan harta (*surplus*) yang banyak. Wakaf bertempoh menjadikan amalan berwakaf tidak lagi hanya tertumpu kepada golongan kaya dan berada.
- 4) **Membangunkan instrumen pembiayaan wakaf yang baharu:** Wakaf bertempoh berpotensi untuk menjadi sebuah instrumen pembiayaan baharu melalui dana-dana syarikat korporat. Dana tersebut akan digunakan sebagai pembiayaan projek-projek wakaf yang produktif dan menghasilkan keuntungan untuk mengembalikan nilai asal wakaf kepada syarikat yang

berwakaf. Pelbagai inovasi wakaf dalam industri kewangan Islam dapat dibangunkan serta dikembangkan bagi memelihara kesejahteraan ekonomi sosial melalui pelaksanaan wakaf bertempoh yang lebih fleksibel.

- 5) **Membangunkan aset wakaf kekal yang terbiar:** Pembiayaan melalui instrumen wakaf bertempoh mampu dijadikan sebagai jalan alternatif kepada kekangan institusi kewangan pada hari ini untuk memberikan pembiayaan bagi pembangunan aset wakaf, khususnya kawasan tanah dan bangunan. Pelbagai jenis jentera pembinaan dan pertanian juga amat sesuai diwakafkan secara bertempoh dalam usaha memajukan tanah-tanah wakaf yang terbiar.
- 6) **Manfaat untuk tujuan yang khusus dalam tempoh yang khusus:** Masyarakat tidak semestinya berhajat kepada pengekalan sesebuah wakaf, bahkan ada kalanya ia hanya diperlukan untuk suatu tempoh masa yang terhad. Misalnya, Pusat Pemberian Vaksin COVID-19 (PPV) dalam skala yang besar di Malaysia hanya diperlukan dalam tempoh masa setahun. Pemilik bangunan boleh mewakafkan bangunan/dewan yang mereka miliki bagi tempoh setahun untuk digunakan sebagai PPV. Setelah tempoh setahun tamat, bangunan/dewan yang diwakafkan akan dipulangkan semula kepada pewakaf. Gambaran tersebut menunjukkan bahawa wakaf bertempoh dapat memberikan penyelesaian yang tepat dan berfokus kepada sebahagian besar keperluan masyarakat.

Selain daripada kelebihan-kelebihan yang disenaraikan di atas, kajian Ambrose dan Peredaryenko (2022) memperlihatkan bahawa wakaf bertempoh juga berpotensi untuk memberikan manfaat yang berpanjangan walaupun status wakaf harta tersebut adalah terhad. Misalnya, wakaf tunai yang diberikan kepada golongan miskin untuk dijadikan modal perniagaan melalui kontrak *qard* bagi tempoh tertentu mampu

mengeluarkan mereka daripada kancah kemiskinan pada masa yang akan datang (Ambrose & Peredaryenko, 2022; Kahf, 1998; Kahf & Mohomed, 2017).

3.9 Garis Panduan Hukum Pelaksanaan Wakaf Bertempoh

Penerbitan garis panduan hukum merupakan satu langkah yang penting bagi melancarkan pelaksanaan sesebuah operasi yang melibatkan hukum fiqh yang diperselisihkan oleh para fuqaha. Ia diperlukan bagi mengelakkan percanggahan yang berpanjangan serta menyelaraskan tatacara pelaksanaannya pada masa akan datang. Bagi melengkapkan perbahasan bab, kajian ini mencadangkan sebuah garis panduan hukum bagi pelaksanaan wakaf bertempoh seperti berikut:

- 1) **Panduan mazhab:** Wakaf bertempoh dilihat sesuai untuk dilaksanakan berpandukan pandangan mazhab Mālikīy yang merupakan pendapat masyhur mazhab tersebut. Pandangan-pandangan terpencil dalam mazhab fiqh yang lain berkenaan wakaf bertempoh bolehlah diambil sebagai hujah sokongan.
- 2) **Pemilikan harta wakaf:** Status pemilikan harta wakaf bertempoh perlulah dinyatakan dengan jelas sebagai hak milik pewakaf. Walaupun begitu, pemilikan pewakaf terhadap harta wakaf bertempoh adalah berstatus hak milik tidak sempurna (*milk ghayr al-tām/milk al-nāqis*). Maka, pewakaf adalah dilarang untuk melakukan sebarang transaksi muamalat atau menetapkan kontrak baharu terhadap aset tersebut sepanjang tempoh penguatkuasaan wakaf.
- 3) **Penamatan kontrak:** Kontrak wakaf bertempoh hanya akan tamat dengan berakhirnya tempoh pewakafan yang dipersetujui menerusi sighth wakaf antara pewakaf dan pendaftar wakaf yang dilantik/pemegang amanah. Hal ini bermaksud bahawa kontrak wakaf bertempoh merupakan akad lazim; iaitu ia

tidak boleh dibatalkan oleh mana-mana pihak selama mana tempoh wakaf masih berkuat kuasa.

- 4) **Pemulangan aset:** Pelaksanaan wakaf bertempoh haruslah mempunyai elemen pemulangan semula aset wakaf kepada pewakaf atau warisnya. Ia merupakan perbezaan utama antara wakaf bertempoh dan wakaf kekal seperti yang dibahaskan oleh para fuqaha.
- 5) **Pengecualian:** Terdapat pengecualian dalam pelaksanaan wakaf bertempoh terhadap beberapa jenis aset seperti masjid, tanah perkuburan, persenjataan perang dan benteng pertahanan. Penetapan wakaf bertempoh terhadap aset-aset yang dinyatakan adalah terbatal jika tiada keperluan yang bersifat darurat bagi umat Islam di sesebuah kawasan yang terlibat.
- 6) **Penjagaan maslahat:** Penggunaan instrumen wakaf bertempoh perlulah berlandaskan tujuan penjagaan maslahat yang sebenar dan mendasar. Semangat dan falsafah pewujudan wakaf hendaklah dititikberatkan dalam pelaksanaan wakaf bertempoh bagi menghindari tujuan-tujuan lain yang disandarkan kepada hawa nafsu semata-mata.

3.10 Kesimpulan

Perbincangan fiqh berkaitan hukum wakaf bertempoh merupakan khilaf yang muktabar dalam kalangan para fuqaha sejak daripada zaman perkembangan mazhab fiqh sehingga ke hari ini. Ia berikutan lafaz dalil wakaf yang umum, lalu membuka ruang ijtihad yang luas kepada para fuqaha dalam mentafsirkannya dengan cermat, termasuklah dengan mengharuskan pelaksanaan wakaf bertempoh. Kini, wakaf bertempoh telah pun diperakui oleh organisasi-organisasi fiqh antarabangsa seperti AAOIFI, IIFA dan ISRA. Wakaf bertempoh turut mempunyai kelebihan tersendiri

berbanding wakaf kekal dalam membuka lebih banyak ruang kebajikan kepada masyarakat. Namun, pelaksanaan wakaf bertempoh hendaklah dikawal selia melalui garis panduan hukum yang jelas dan kemas bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan pihak pelaksana serta mampu melancarkan operasi pelaksanaannya pada masa akan datang.

